

# Kerajaan komited promosi tenaga boleh baharu: Ongkili

dinah Jikur

**DAKAN:** Sehingga 30 Oktober ini, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi Hijau dan Air melalui agensi Pembangunan Tenaga Baru Malaysia (SEDA), sudah diluluskan 4,626 permohonan Feed-in Tariff (FiT) yang melibatkan kapasiti penjanaan Tenaga Boleh Baharu (TBB) sebanyak 917.20 megawatt (MW).

Menurutnya, Datuk Seri Dr Mus Johnity Ongkili berkata, peliputi 303.79 MW bagi biomass, 8 MW bagi Solar Photovoltaics, 249.84 bagi hidrokuasa kecil 11.69 MW bagi biogas.

alam tempoh sama, sejumlah projek sudah memulakan operasi komersil dengan kapasiti sebanyak 242.60 MW yang mengkumi biomass dengan 64.8 MW hidrokuasa kecil dengan 15.70 MW, Solar PV 15.70 MW, Solar bukan individu dengan 1.1 MW, Solar PV bagi individu dengan 24.33 MW dan biogas dengan 24.7 MW," katanya.

agi Sabah, SEDA telah menerima 309 permohonan FiT dengan jumlah 157.8 MW iaitu biomass sebanyak 99.7 MW, hidrokuasa dengan 35.6 MW, Solar PV bukan individu dengan 8.1 MW, Solar PV untuk individu dengan 6.6 MW, Solar PV untuk bukan individu dengan 2.53 MW, Solar PV komuniti dengan 0.396 MW dan biogas dengan 11.4 MW," tambahnya.

Ongkili berkata demikian selaras dengan Pembukaan Loji Jana Biogas dan Biomass Syarikat Horse (M) Sdn. Bhd. yang juga berdiri Cepatutowasan Group di KM-63, Sandakan-Lahad Datu pada Isnin.

au berkata, bagi tempoh yang lalu 5 projek di negeri ini telah bermula operasi komersil dengan jumlah TBB sebanyak 43.4 MW, mengkumi biomass dengan kapasiti 9 MW dan hidrokuasa kecil dengan kapasiti 6.5 MW. Jelasnya, ia juga telah beroperasi terus yang beliau rasmikan di sana dengan 12 MW Biomass dan 10 MW Biogas.

rimanapun, katanya, Biogas masih belum di bawah FiT kerana digunakan untuk kegunaan syarikat berkenaan. Tentu mengenai majlis yang diadakan, Ongkili berkata, bukan bersejarah kepada syarikat berkenaan, ia juga memberi makna kerajaan negeri dan utusan yang terus berusaha promosi Tenaga Boleh Baharu (TBB).

yang telah kita capai ini juga adalah satu perkembangan kemajuan yang yang dibanggakan," ujarnya. ia juga konsisten dengan



ONGKILI menandatangani plak perasmian loji sambil disaksikan Mah King Thian (kanan) dan yang lain.

jumlah Biomass yang banyak hasil daripada perusahaan pertanian khususnya kelapa sawit," tambahnya untuk masa hadapan, manfaat Biomass dan Biogas untuk tenaga akan terus diberi keutamaan.

Katanya, bagi Solar PV, ia juga yang masih dibuka pada tahun hadapan. Manakala Biomass dan Biogass pula, ujarnya, tidak perlu menunggu masa kerana pelbagai agensi berkenaan sedia membantunkan sektor itu.

Dalam pada itu, mengenai Grid, Kementerian Luar Bandar juga sedang berbincang mengenai idea grid bersama.

Ia termasuk melihat kepada mana-mana penyambungan grid luar bandar dan apabila ditarik ke kawasan nelayan dan pedalaman, kawasan-kawasan daerahnya yang luas dengan pertanian dan perusahaan kelapa sawit dan mana-mana kawasan-kawasan kilang kelapa sawit yang mahu dilalui.

Jika mana-mana perusahaan yang ingin terlibat dalam pengeluaran berkenaan, ia tidak begitu mahal untuk eksport tenaga itu.

Terdahulu, berucap pada majlis itu, Ongkili berkata, penglibatan Syarikat Cash Horse dalam menjana TBB bertepatan dengan dasar dan strategi kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan negara terhadap bahan api fosil.

Di bawah Dasar Lima Bahan Api, Tenaga Boleh Baharu, ia merupakan salah satu bahan api yang dikenali pasti bagi menjamin tenaga negara.

"Pelaksanaan projek loji jana kuasa ini adalah sebahagian usaha berterusan kerajaan untuk mempertingkatkan tahap kebolehharapan pembekalan elektrik dalam masa yang sama memastikan bekalan elektrik yang berkualiti dapat

dibekalkan pada kadar yang berpatutan," katanya.

Kementerian juga mendapat pada separuh tahun ini, komponen penjanaan merupakan penyumbang terbesar lucutan beban kepada gangguan bekalan elektrik di Sabah sehingga menyebabkan lucutan beban terpaksa dilakukan dan seterusnya menyebabkan gangguan bekalan elektrik kepada pengguna.

Bagaimanapun, Ongkili berkata, dengan penyiapan dua stesen jana kuasa utama di Kimanis dengan jumlah kapasiti penjanaan keseluruhan sebanyak 385MW. Sistem Grid Sabah telah menerima penambahan kapasiti penjanaan yang bukan sahaja mampu mengurangkan gangguan yang disebabkan oleh henti tugas tidak berjadual oleh stesen-stesen jana kuasa kerana margin operasi yang tinggi.

Jelasnya, projek-projek penjanaan lain yang dalam perancangan pada 2014 ialah Stesen Jana kuasa Tawau Green Energy (30MW), berasaskan sumber geotermal di Apas Kiri, Tawau pada tahun 2017, Stesen Hidroelektrik Upper Pada (180MW) pada 2023 dan sebuah jana kuasa besar berasaskan gas dengan kapasiti 390MW di Pantai Timur Sabah menjelang 2021.

Untuk mengukuhkan lagi kawasan Pantai Timur Sabah, untuk tahun 2016-2018, kerajaan sedang merancang untuk membangunkan tiga lagi stesen jana kuasa iaiti di Sandakan (90MW), Tawau (85MW) dan Lahad Datu (30MW).

"Kerajaan juga telah mengenal pasti beberapa program untuk mengatasi punca-punca gangguan bekalan elektrik di Sabah termasuk kawasan Sandakan dan ia merangkumi komponen penghantar dan pembahagian," jelasnya.